



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Menteri Besar Johor bagi jawatan berikut:-

1. (a) Jawatan : Pegawai Berita
- (b) Gred : S41
- (c) Kementerian/Jabatan : Pejabat Menteri Besar Johor
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
- (f) Jadual Gaji :

	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
	RM 2,078.00	RM 9,544.00	RM 225.00
- (g) Taraf Jawatan : Kontrak
- (h) Syarat Lantikan :

**i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau
- d) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86).

**ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(i) Deskripsi Tugas :**

- a) Menghasilkan laporan aktiviti YAB Menteri Besar Johor dalam laman sosial YAB Menteri Besar Johor mana – mana keluaran yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- b) Membuat liputan berjadual dan tidak berjadual YAB Menteri Besar Johor.
- c) Transkrip sidang media / sebahagian ucapan YAB Menteri Besar Johor untuk dijadikan “quotes” dalam laman sosial YAB Menteri Besar Johor.
- d) Membuat / membantu Setiausaha Akhbar menyediakan keperluan Sidang Media dan Taklimat Media.

- e) Membantu Setiausaha Akhbar menyediakan perutusan untuk peristiwa – peristiwa penting negeri seperti Hari Raya Aidilfitri, kemangkatan Kerabat Diraja dan sebagainya untuk laman sosial YAB Menteri Besar Johor, radio dan media cetak.
  - f) Menyediakan skrip untuk iklan – iklan radio program – program khusus YAB Menteri Besar Johor.
2. (a) Jawatan : Pegawai Penyelidik
- (b) Gred : Q41
- (c) Kementerian/Jabatan : Pejabat Menteri Besar Johor
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Penyelidikan dan Pembangunan
- (f) Jadual Gaji :
- |  | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--|--------------|---------------|-----------------------------|
|  | RM 2,315.00  | RM 9,618.00   | RM 225.00                   |
- (g) Taraf Jawatan : Kontrak
- (h) Syarat Lantikan :

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi – institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ;  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM 2,315.00) atau
- d) Ijazah sarjana muda dalam bidang pertanian atau perikanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM2,418.66); atau
- e) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM2,522.44); atau
- f) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM2,730.00); atau
- g) Ijazah sarjana dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM2,833.78); atau
- h) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains atau kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred Q41 : RM3,145.11).
- i) Mempunyai pengalaman atau kelulusan dalam bidang Komunikasi Massa adalah satu kelebihan.

**ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(i) Deskripsi Tugas :**

- a) Membuat kajian (bersama seksyen penyelidikan) dalam penghasilan kenyataan atau pengucapan awam sebelum dikeluarkan kepada umum.
- b) Menyediakan teks ucapan, temu bual, siaran media, kenyataan akhbar rasmi dan tidak rasmi.
- c) Menyediakan Nota Pengarang (Note to Editor) untuk dihebahkan kepada media massa.
- d) Memantau dan mengambil maklum isu-isu berbangkit melibatkan pentadbiran kerajaan negeri.
- e) Mengambil petikan daripada ucapan untuk dihebahkan dalam media sosial dan juga media rasmi kerajaan negeri.

3. (a) Jawatan	:	Pembantu Operasi						
(b) Gred	:	N11						
(c) Kementerian/Jabatan	:	Pejabat Menteri Besar Johor						
(d) Kumpulan Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan						
(e) Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pelaksana						
(f) Jadual Gaji	:	<table border="1"><thead><tr><th>GAJI MINIMUM</th><th>GAJI MAKSIMUM</th><th>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</th></tr></thead><tbody><tr><td>RM 1,216.00</td><td>RM 2,983.00</td><td>RM 80.00</td></tr></tbody></table>	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00
GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN						
RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00						
(g) Taraf Jawatan	:	Kontrak						
(h) Syarat Lantikan	:							

**i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
- d) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

**ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**(i) Deskripsi Tugas :**

- a) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat sehari-hari melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan.
- b) Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E.
- c) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat

4. (a) Jawatan	:	Personel MySTEP
(b) Tempoh Kontrak	:	Tarikh mula sehingga 31 Disember 2023
(c) Kadar Upah	:	RM 1,700.00 sebulan
(d) Waktu Bekerja	:	Sembilan jam sehari termasuk waktu rehat dengan ditetapkan waktu masuk dan waktu balik oleh Ketua Jabatan
(e) Syarat Lantikan	:	

**i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:**

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur antara 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ;
- d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- e) Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer (Microsoft Office & Excel), mahir berkomunikasi dan berketerampilan.

## **5. Cara Membuat Permohonan:-**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang MBJ.01** yang boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <https://www.johor.gov.my/> atau dengan mengimbas Kod QR di bawah:



- (b) Borang yang telah lengkap diisi dengan jelas dan terang hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport terkini dan **SALINAN DIAKUI SAH** dokumen-dokumen berikut:

- (i) Salinan Sijil Kelahiran
- (ii) Salinan Kad Pengenalan
- (iii) Salinan Surat Berhenti sekolah yang terakhir
- (iv) Salinan PMR/SPM/Sijil/Diploma/Ijazah beserta transkrip penuh
- (v) Salinan Lesen Memandu (bagi jawatan Pemandu & Pembantu Operasi)
- (vi) Lain-lain sijil/surat akuan berkaitan

- (c) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut :

**PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR,  
ARAS 4, BANGUNAN DATO JAAFAR MUHAMMAD,  
KOTA ISKANDAR,  
79502 ISKANDAR PUTERI,  
JOHOR BAHRU**

**6. Tarikh Tutup Permohonan : 16 Februari 2023 (Khamis)**

## **7. Catatan:**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan salinan semakan pengiktirafan Sijil/Diploma/Ijazah daripada Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf) melalui capaian <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
- (c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**
- (d) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

Pejabat Menteri Besar Johor,  
Aras 4, Bangunan Dato Jaafar Muhammad,  
Kota Iskandar,  
**79502 ISKANDAR PUTERI,**  
**JOHOR BAHRU**

No. Tel. Pejabat: 07-266 6355 / 42

Tarikh : 29 Januari 2023